



LEMBAGA SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR, SARAWAK
NATURAL RESOURCES AND ENVIRONMENT BOARD, (NREB) SARAWAK
IKLAN JAWATAN KOSONG

1. Jawatan : Pembantu Penguatkuasa
Taraf Lantikan : Jawatan Berasas Caruman
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan : Keselamatan Dan Pertahanan Awam
Jumlah kekosongan : 16 (Kuching, Betong, Sibu, Kapit, Mukah dan Miri)
Tempoh Percubaan : 1 Hingga 3 Tahun
Gred Gaji : KP1
Jadual gaji : Gaji Minimum: RM1,500.00 Gaji Maksimum: RM4,680.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau
- (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau
- (iii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang- kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau
- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,561.00); atau
- (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,622.00); dan

- (b) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg;
 - (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas;
 - (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan dengan kelayakan (a)(i), (a)(ii), (a)(iv) dan (a)(v) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2. Jawatan : Pembantu Khidmat Am (Pemandu Kenderaan)
Pembantu Khidmat Am (Pembantu Operasi)
- Taraf Lantikan : Jawatan Berasas Caruman
- Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran
- Jumlah kekosongan : 3 (Miri, Limbang dan Bintulu)
- Tempoh Percubaan : 1 Hingga 3 Tahun
- Gred Gaji : H1
- Jadual gaji : Gaji Minimum: RM1,500.00 Gaji Maksimum: RM4,680.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau
- (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00); atau
- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00); dan
- (v) Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas jika melaksanakan tugas atau mana-mana gabungan tugas seperti di perenggan (b).
Syarat Lantikan Bagi Keperluan Khas (Pemanduan/ Pengendalian Kren/Pengendalian Dandang/Tugasan Menyelamat)
- (b) Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] dan berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugas berkenaan.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

CARA MEMOHON

Pemohon **diwajibkan untuk mengemukakan permohonan secara dalam talian melalui e-Recruitment (<https://e-recruitment.sarawak.gov.my>)**. Tarikh tutup permohonan adalah pada **8 Ogos 2025**.